

Syor pelan SJER diperluas

UM-10/10/2006

UMNO Johor mencadangkan kawasan pembangunan SJER ditambah lebih 1,000 kilometer persegi lagi menjadikannya seluas empat kali Singapura

ABDUL GHANI OTHMAN
Menteri Besar Johor

JOHOR BAHRU 9 Okt. - Badan Perhubungan UMNO Johor mencadangkan supaya pelan pembangunan Wilayah Ekonomi Selatan Johor (SJER) diperluaskan sehingga empat kali ganda saiz Singapura.

Pengerusinya, Datuk, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, perluasan yang lebih besar berbanding asalnya dua setengah kali saiz republik itu bagi membolehkan beberapa mukim dan kawasan lagi dimasukkan dalam pelan pembangunan tersebut.

Menurutnya, kawasan tersebut ialah empat mukim di Pontian termasuk Serkat dan tiga mukim lain serta beberapa kawasan di bahagian barat Kota Tinggi.

"Kesemua kawasan berkenaan dikenali sebagai kawasan limpahan SJER sebelum ini tetapi UMNO Johor mencadangkan supaya kawasan berkenaan menjadi sebahagian daripada pembangunan SJER," katanya.

Pelan pembangunan tersebut akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Nusajaya

pada 4 November ini.

Menurut Abdul Ghani, selain pelancaran pelan pembangunan, Abdullah juga dijangka membuat beberapa pengumuman penting.

"Antara perkara penting yang akan diumumkan ialah pihak berkuasa yang akan memainkan peranan melaksanakan pembangunan di Selatan Johor," ujarnya.

Abdul Ghani berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran Setem dan Sampul Surat Hari Pertama Haiwan Separu Akuatik sempena sambutan Hari Pos Sedunia 2006 di Plaza Pelangi, di sini, hari ini.

Beliau percaya cadangan UMNO Johor supaya beberapa kawasan baru di Pontian dimasukkan ke dalam pembangunan

SJER akan dilihat dan diterima secara positif.

Mengenai Universal Studios yang pernah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Johor untuk membina taman tema di negeri ini dan sebaliknya memilih Singapura sebagai lokasinya, Abdul Ghani berkata, kemungkinan untuk mewujudkan taman tema di negeri ini masih ada.

"Peluang untuk Johor memiliki taman tema masih terbuka kerana perbincangan baru untuk mewujudkan taman tema ada dijalankan.

"Johor mempunyai kelebihan dari segi keluasan dan sebagainya. Oleh itu kemungkinan untuk mewujudkan taman tema masih terbuka," katanya.